

14 FEB 1998

Umno - Emas

KEMPEN JUAL EMAS WANITA UMNO PERAK KUTIP RM500,000 DALAM MASA TIGA JAM

IPOH, 14 Feb (Bernama) -- Kempen menjual barang kemas persendirian Pergerakan Wanita Umno Perak hari ini mendapat sambutan menggalakkan apabila barangan kemas bernilai kira-kira RM500,000 dijual.

D.S. Jewellers, kedai emas yang membuka kaunter pembeliannya pada majlis pelancaran kempen itu, membuat pembelian itu dalam tempoh tiga jam sahaja.

Pengarah syarikat itu, Amaluddin Ismail, berkata ramai wanita termasuk anggota Umno yang menghadiri majlis pelancaran itu oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib di Dewan Bandaran Ipoh di sini, menjual emas mereka.

Beliau menjangka urusan emas menerusi kempen itu dapat mencecah RM1 juta sehingga Isnin ini berdasarkan sambutan dan banyak pertanyaan yang diajukan daripada kaum wanita kepadanya.

Kedai emas itu menawarkan harga kurang 18 peratus daripada harga semasa pasaran emas, katanya.

Beliau berkata semua emas yang dibeli itu akan dijual kepada peniaga emas di beberapa negara asing yang mempunyai hubungan perniagaan dengannya termasuk Singapura, Brunei, India dan Amerika Syarikat.

Amaluddin, yang juga Presiden Persatuan Peniaga-peniaga Emas Perak, juga bersedia membuka kaunter perniagaan jika mana-mana Pergerakan Wanita Umno berminat menganjurkan kempen seumpama itu.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno Perak Ainon Khariyah Datuk Mohd Abas berkata kempen itu dilancarkan bagi menyahut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kaum wanita supaya membantu mengukuhkan ekonomi negara dengan menjual barang kemas yang tidak digunakan untuk menambahkan simpanan mereka.

Pada majlis itu, isteri Menteri Besar Raja Puan Seri Noora Ashikin Raja Abdullah turut menjual barang kemasnya dengan nilai RM2,650. -- BERNAMA

RZS NAK